

ANALISIS KRITIKAN ILMUWAN HADIS KONTEMPORARI TERHADAP *HADĪTH JĀBIR* MENGENAI PENGISBATAN *NŪR MUḤAMMAD* SEBAGAI MAKHLUK PERTAMA

Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
72000 Parit Tinggi, Negeri Sembilan, Malaysia

Siti Aishah Sokhibul Fadil

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
72000 Parit Tinggi, Negeri Sembilan, Malaysia

Mohd Sobri Elias

Pusat Kecemerlangan Pengajian Islam Baitussaadah,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Corresponding Author's Email: asyransafwan@uitm.edu.my

Article history:

Received : 4 April 2023

Accepted : 10 April 2023

Published : 10 Mei 2023

ABSTRAK

Doktrin atau kepercayaan terhadap *Nūr Muḥammad* sangat masyhur di kalangan pengamal tarekat dan tasawwuf. Sebahagian daripada pengamal tarekat menjadikan *Nūr Muḥammad* ini sebagai salah satu daripada kepercayaan yang perlu diyakini. Keyakinan terhadap *Nūr Muḥammad* ini menjadi satu polemik di kalangan umat Islam sehingga mengundang para ulama untuk mengkaji mengenai kesahihan periwayatan *Ḥadīth Jābir* yang menjadi asas kepada terbinanya keyakinan *Nūr Muḥammad*. Selain itu, para ulama turut mengkaji implikasi yang terkait dengan akidah terhadap mereka yang meyakini doktrin *Nūr Muḥammad*. Antara permasalahan yang timbul terhadap doktrin *Nūr Muḥammad* adalah periwayatan *Ḥadīth Jābir* tidak mencapai darjat *Ḥadīth Ṣaḥīḥ* sehingga boleh menjadi dalil sandaran dalam akidah dan dalam masa yang sama, keyakinan terhadap *Nūr Muḥammad* boleh mengundang kepada keyakinan yang batil di sisi syarak. Objektif kajian ini adalah mengkaji kritikan dan ulasan dua orang tokoh hadis, akidah dan tarekat kontemporari iaitu al-Ghumārī (w. 1993) dan al-Harārī (w. 2008) dan seterusnya menganalisis kritikan mereka terhadap doktrin *Nūr Muḥammad* berdasarkan Manhaj Ahli Sunnah Waljamaah. Kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan metode keperustakaan di penulis akan melihat keabsahan periwayatan *Ḥadīth Jābir* dan menganalisis implikasi akidah yang terhasil berdasarkan metodologi ulama Ahli Sunnah Waljamaah.

Hasil kajian mendapati bahawa *Ḥadīth Jābir* tidak mencapai darjat *Ḥadīth Ṣaḥīḥ* mahupun *Ḥadīth Mutawātir* yang boleh dijadikan sandaran dalam akidah, bahkan keyakinan terhadap doktrin *Nūr Muḥammad* boleh menjejaskan akidah jika difahami atas jalan *ḥulūl*, *ittiḥād*, *tashbīh* dan *tajsīm*. Kesimpulannya doktrin *Nūr Muḥammad* wajar ditolak dan disekat penyebarannya bagi memelihara kemurnian akidah umat Islam berdasarkan manhaj Ahli Sunnah Waljamaah.

Kata kunci: *Nūr Muḥammad*, *Ḥadīth Jābir*, Ahli Sunnah Waljamaah, Tarekat, Tasawwuf

ANALYSIS OF CONTEMPORARY HADITH SCIENTISTS' CRITICISM OF ḤADĪTH JĀBIR ON THE NARRATION OF NŪR MUḤAMMAD AS THE FIRST CREATURE

ABSTRACT

The doctrine or belief in Nūr Muḥammad is well known among tarekat and tasawwuf practitioners. Some of the tarekat practitioners make this Nūr Muḥammad one of the beliefs that need to be trusted. The confidence in Nūr Muḥammad became a polemic among Muslims, thus inviting scholars to study the validity of the narration of Ḥadīth Jābir which is the basis of Nūr Muḥammad's conviction. In addition, scholars have also studied the implications associated with faith in those who believe in the doctrine of Nūr Muḥammad. Among the problems arising from the doctrine of Nūr Muḥammad is that the narration of Ḥadīth Jābir does not reach the rank of Ḥadīth Ṣaḥīḥ so that it can be a backup dalil in the faith and at the same time, confidence in Nūr Muḥammad can lead to false beliefs in the sight of syarak. The objective of this study is to examine the criticisms and comments of two contemporary hadiths, faiths and tarekats, namely al-Ghumārī (w. 1993) and al-Hararī (w. 2008) and subsequently analyze their criticism of the Nūr Muḥammad doctrine based on Manhaj Ahli Sunnah Waljamaah. Qualitative studies using the method of library in the author will look at the validity of the narration of Ḥadīth Jābir and analyze the implications of the resulting faith based on the methodology of the scholars of the Sunnah Waljamaah. The results of the study found that neither Ḥadīth Jābir achieved the rank of Ḥadīth Ṣaḥīḥ nor Ḥadīth Mutawātir which can be used as a backup in the faith, and even confidence in the doctrine of Nūr Muḥammad can affect the faith if understood on the path of ḥulūl, ittiḥād, tashbīh and tajsīm. In conclusion, the doctrine of Nūr Muḥammad should be rejected and blocked in order to preserve the purity of the faith of Muslims based on the manhaj of the Sunnah Waljamaah.

Keywords: *Nūr Muḥammad*, *Ḥadīth Jābir*, Member of Sunnah Waljamaah, Tarekat, Tasawwuf

PENGENALAN

Ḥadīth Jābir merupakan sebuah hadis yang disandarkan periwayatannya kepada seorang sahabat Rasulullah yang bernama Jābir ibn 'Abd Allāh r.a mengenai makhluk paling awal yang diciptakan oleh Allah. Berdasarkan riwayat ini, *Nūr Muḥammad* menjadi polemik di kalangan umat Islam. Hadis ini dijadikan sandaran untuk meyakini bahawasanya makhluk pertama yang diciptakan oleh Allah adalah *Nūr Muḥammad* sehingga ada yang menisbahkan Rasulullah merupakan Nabi yang pertama berdalilkan *Ḥadīth Jābir* ini. Persoalan yang timbul adalah mengenai keabsahan penggunaan *Ḥadīth Jābir* sebagai dalil yang membentuk keyakinan bahawa makhluk pertama yang diciptakan oleh Allah adalah *Nūr Muḥammad* dan sejauh mana keyakinan ini memberi kesan terhadap akidah seseorang Muslim.

PENDALILAN AKIDAH DI SISI AHLI SUNNAH WALJAMA'AH

Secara dasarnya, penggunaan dalil yang disepakati oleh ulama Ahli Sunnah Waljama'ah ialah *'aqlī* dan *naqlī* merangkumi al-Quran, hadis dan ijmak (Al-Asfarāyīnī, 1940). Ahli Sunnah Waljama'ah menggunapakai *'aqlī* atau akal sebagai dalil dalam pengisbatan akidah mereka. Ahli Sunnah Waljama'ah menggabungkan pakai kedua-dua *'aqlī* dan *naqlī*. Fungsi akal ini adalah sebagai pengesah kebenaran sebagaimana disebut oleh 'Abd al-Karīm al-Khātib yang mana menurut beliau, akal yang sejahtera pasti akan dapat membuktikan kewujudan Tuhan (al-Khātib, 1962). Penggunaan akal sebagai instrumen kebenaran dan makrifah ini adalah disepakati oleh ulama sejak zaman-berzaman. Bagaimanapun, penggunaan akal adalah terhad kepada kepimpinan oleh wahyu iaitu al-Quran dan hadis (al-Baqillānī, 2000). Fungsi akal ini adalah seperti fungsi sifat lihat yang ada pada diri manusia melalui anggota mata, manakala fungsi wahyu diibaratkan sebagai matahari yang menyinari cahayanya. Inilah perumpaan yang diberi ulama terhadap penggunaan akal yang dipandu oleh wahyu (Nuh 'Ali Salmān, 2003). Ahli Sunnah Waljama'ah berinteraksi dengan *'aqlī* sesuai dengan firman Allah (Surah al-A'raf: 185):

أَوَلَمْ يَنْظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ وَأَنْ
عَسَى أَنْ يَكُونَ قَدِ اقْتَرَبَ أَجْلُهُمْ ۖ فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: “Patutkah mereka [membutakan mata] tidak mahu memperhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan oleh Allah, dan [memikirkan] bahawa harus telah dekat ajal kebinasaan mereka? Maka kepada perkataan yang mana lagi sesudah (datangnya kalamullah al-Quran) itu mereka mahu beriman?”

Hal ini dapat dilihat dalam pelbagai karya ulama Ahli Sunnah Waljamaah daripada aliran al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah seperti kitab *Al-Inṣāf fī mā Yajibu I'tiqāduhu wa lā Yajūzu al-Jahl bih fī 'Ilm al-Kalām* karya Imām al-Bāqilānī (w. 403H), *Luma' fī Qawā'id Ahl al-Sunnah* oleh Imām al-Juwaynī (w. 478H), *al-Tabṣīr fī al-Dīn* oleh Imām al-Isfarāyīnī (w. 418H), *al-Asmā' wa al-Ṣifāt* oleh Imām al-Baihaqī (w. 458H), *Al-'Aqīdah al-Nasafīyyah* oleh Imām al-Nasafī (w. 537H) dan selainnya. Karya-karya ini jelas membahaskan kedudukan dan kepentingan hukum akal dalam memahami akidah.

Berhubung dengan *naqlī*, ia terbahagi kepada tiga jenis iaitu al-Quran, hadis dan ijmak. Seluruh ulama Ahli Sunnah Waljamaah berpegang dengan keutamaan *naqlī* berbanding dengan '*aqlī* kerana '*aqlī* tidak boleh bersendirian melainkan dengan bantuan *naqlī*. Begitu juga *naqlī* tidak boleh difahami melainkan dengan akal yang sejahtera. Dalam isu-isu yang penting, seperti isu berinteraksi dengan ayat *mutashābihāt*, maka seseorang itu tidak boleh menggunakan '*aqlī* semata-mata, malah memerlukan *naqlī* yang berstatus *muhkamāt* supaya tidak terjerumus ke dalam lembah *tajsīm* dan *tashbīh*. Penggunaan al-Quran sebagai dalil *naqlī* yang utama dalam pengisbatan dan penghujahan akidah adalah suatu kewajipan memandangkan al-Quran ialah sumber utama rujukan Islam sebagaimana firman Allah (Surah al-Nisā': 59):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ ۚ فَإِن تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ
دَلِكْ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ulil-amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada [Kitab] Allah (al-Quran) dan [Sunnah] Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik [bagi kamu], dan lebih elok pula kesudahannya”.

Seterusnya ialah hadis yang merupakan sumber pengisbatan akidah yang kedua selepas al-Quran. Terdapat beberapa teks di dalam al-Quran yang memerlukan penjelasannya melalui hadis yang dinukilkan daripada Rasulullah. Dalam ilmu akidah, hanya hadis bertaraf *Mutawātir* sahaja yang diterima sebagai penghujahan dalam akidah. *Hadīth Mutawātir* ditakrifkan oleh ulama hadis sebagai hadis yang diriwayatkan oleh tiga orang perawi atau lebih di mana mustahil untuk mereka bersepakat untuk melakukan pendustaan. Shaykh Maḥmūd Shaltūt menyebut bahawa hadis-hadis yang digunakan bagi pengisbatan akidah mestilah dari sumber yang benar-benar diyakini datang daripada

Rasulullah dan sunyi daripada sebarang keraguan (Shaltūt, 2007). Menurut al-Āmidī terdapat dua syarat yang telah disepakati oleh para ulama bagi *Ḥadīth Mutawātir* dalam menghasilkan keyakinan terhadap khabar hadis tersebut iaitu daripada pihak perawi dan apa yang didengari. Yakni, perawi mestilah ramai dan mustahil mereka sepakat untuk berdusta dan mestilah apa yang didengari itu jelas dan disaksikan oleh mereka sendiri (al-Baghdādī, 1928). Bagi penggunaan *Ḥadīth Aḥad* pula, jumbuh ulama berpandangan bahawa ia tidak dapat dijadikan dalil dalam akidah melainkan hanya sebahagian ulama mengharuskan penggunaan *Ḥadīth Ṣaḥīḥ* yang tiada percanggahan pandangan ulama terhadap *rāwīnya*. Hal ini kerana *Ḥadīth Aḥad* hanya memberi faedah *ẓan*, tidak sehingga mencapai tahap yakin. Namun begitu, dalam masalah *fiqh*, ia diterima untuk dijadikan sandaran dalam beramal (Sha‘bān, 1991).

Sumber yang terakhir ialah ijmak yang juga merupakan sumber kepada pembentukan pemikiran akidah seseorang. Ijmak merupakan kesepakatan para *mujtahid* terhadap sesuatu urusan keagamaan sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Khātib al-Baghdādī (w.463H) (al-Baghdādī, 1975):

إجماع أهل الإجتهد في كل عصر حجة من حجج الشرع ودليل من أدلة الأحكام المقطوع على مغيبه.

Maksudnya: “Persepakatan ahli *ijtihād* pada setiap zaman merupakan suatu hujah daripada hujah-hujah syarak dan juga merupakan suatu dalil dripada sekian dalil terhadap hukum-hukum yang bersifat *putus*”.

Senada dengan beliau ialah Shaykh ‘Abd Allāh al-Harārī (2009). Selain itu, kehujahan ijmak dalam pengisbatan akidah adalah jelas sebagaimana disebut oleh Abū Mansūr al-Baghdādī (w. 429H) iaitu (al-Baghdādī t.t):

واتفقوا-أي أهل السنة والجماعة- على أن أصول أحكام الشرعية: القرآن، والسنة، وإجماع السلف

Maksudnya: “Mereka iaitu golongan *Ahli Sunnah Waljamaah* - bersepakat bahawa sumber bagi hukum-hukum syarak adalah *al-Quran*, *al-Sunnah* dan *Ijmak al-salaf*”.

Penyandaran ijmak sebagai dalil dalam agama adalah sebagaimana disebut oleh al-Hākīm dalam kitabnya *al-Mustadrak* (1997):

فقد ذكرنا تسعة أحاديث بأسانيد صحيحة يستدل بها على الحجة بالإجماع واستقصيت فيه تحريا لمذاهب الأئمة المتقدمين رضي الله عنهم

Maksudnya: “*Sesungguhnya kami telah menyebutkan sebanyak sembilan buah hadis dengan sanad yang sahih di mana hadis-hadis tersebut menunjukkan kehujahan ijmak dan saya telah menyelidikinya habis-habisan bagi maksud menyesuaikan dengan [huraian] mazhab-mazhab para imam yang terdahulu r.a*”

Hasilnya, Ahli Sunnah Waljamaah menolak kelompok-kelompok yang sesat yang menggugurkan salah satu daripada sumber pendalilan ini. Ahli Sunnah Waljamaah menolak *al-Sumāniyyah* yang mengutamakan pancaindera semata-mata dalam pengisbatan akidah (al-Isfarāyīnī, 1983), *al-Sufasta’iyyah* yang ragu-ragu dengan kemampuan hujah akal (al-Taftāzānī, 1988), *al-Hashwiyyah* yang menentang penggunaan akal dalam memahami agama dan *al-Mu’tazilah* yang mengutamakan akal semata-mata dalam memahami akidah (al-Maghribī, 1995).

RINGKASAN PERIWAYATAN ḤADĪTH JĀBIR

Berhubung periwiyatan *Ḥadīth Jābir*, teks hadis ini mempunyai banyak periwiyatan seperti riwayat oleh al-‘Ajlūnī (t.th), al-‘Amīrī (t.th), al-Ghumārī (t.th), al-Qastallānī (1991), al-Laknawī (1984) dan al-Hararī (2001). Teks yang menjadi asas kepada binaan akidah kepercayaan *Nūr Muḥammad* adalah seperti yang dinukilkan oleh al-Laknawī (1984) dan selainnya sebagaimana berikut:

عَنْ جَابِرٍ قَالَ: قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ بِأَيِّ أَنْتَ وَأُمِّي أَخْبَرْتَنِي عَنْ أَوَّلِ شَيْءٍ
خَلَقَهُ اللَّهُ قَبْلَ الْأَشْيَاءِ، فَقَالَ: يَا جَابِرُ! إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ قَبْلَ الْأَشْيَاءِ نُورَ نَبِيِّكَ
مِنْ نُورِهِ¹

Maksudnya: “*Dari Jābir r.a berkata: “aku berkata: wahai Rasulullah, ibu dan ayahku sebagai tebusan buatmu, jelaskan kepadaku mengenai perkara pertama yang diciptakan oleh Allah sebelum sesuatu?” Maka jawab Nabi: “wahai Jābir, sesungguhnya Allah telah menciptakan Nūr Nabimu dari Nūr-Nya sebelum sesuatu..”*

Teks *Hadis Jābir* dalam riwayat-riwayat yang telah disebutkan sebelum ini juga adalah sama daripada sudut kesepakatan intipatinya iaitu makhluq pertama yang Allah ciptakan adalah *Nūr Muḥammad* sebelum diciptakan perkara-perkara yang lain. *Nūr Muḥammad* ini pula diciptakan oleh Allah daripada Nūr-Nya.

¹ Muḥammad ‘Abd al-Ḥayy ibn Muḥammad ‘Abd al-Halim al-Ansarī al-Hind, Athār al-Marfū’ah fī al-Akhbār al-Mauḍū’ah, Bāb Dhikr Ba’ḍ al-Qaṣaṣ al-Mashhūrah.

PEGANGAN AKIDAH BERSANDARKAN KEPADA *HADIS JĀBIR*

Berpandukan kepada *Ḥadīth Jābir* ini, maka terdapat sebahagian mereka di kalangan umat Islam yang menjadikannya fenomena akidah dalam dunia kesufian dan tarekat. Secara dasarnya terdapat tiga jenis pandangan terhadap *Nūr Muḥammad* mengikut tema iaitu:

- i. Golongan yang mempercayai bahawa *Nūr Muḥammad* ini adalah sebahagian daripada *Dhāt* Allah kerana ia adalah juzuk *Nūr-Nya* dan *Nūr Muḥammad* ini ialah asal kepada penciptaan setiap sesuatu;
- ii. Golongan yang mempercayai bahawa *Nūr Muḥammad* ini adalah cahaya yang diciptakan Allah daripada *Nūr-Nya*, ia adalah mulia dan merupakan Hakikat Muhammad bukannya Nabi Muhammad . Kerana kemuliaan ini, Allah menciptakan makhluk yang lain; dan
- iii. Golongan yang menentang kepercayaan terhadap *Nūr Muḥammad* sekaligus mengkritik keras mengenai perkara ini sama ada daripada sisi akidah mahupun sisi periwayatan *Ḥadīth Jābir*.

ILMUWAN HADIS DAN AKIDAH KONTEMPORARI PILIHAN

Penulisan ini akan memfokuskan kepada kritikan oleh dua orang tokoh kontemporari yang menguasai pelbagai bidang termasuk bidang hadis dan akidah. Al-Ghumārī (w. 1993) atau nama sebenarnya Shaykh 'Abd Allāh ibn Muḥammad ibn al-Ṣiddiq al-Ghumārī merupakan seorang tokoh hadis masyhur yang berasal daripada Maghribi. Beliau berasal daripada keluarga al-Ghumārī yang tidak asing di kalangan masyarakat Islam di Maghribi sebagai sebuah keluarga besar yang sangat mementingkan penguasaan ilmu terutama ilmu hadis. Manakala seorang lagi iaitu al-Hararī (w. 2008) atau nama sebenarnya Shaykh 'Abd Allāh ibn Muḥammad ibn Yūsuf al-Hararī merupakan tokoh yang prolific dalam menghasilkan karya-karya bertemakan akidah namun kepakaran beliau dalam bidang hadis turut diiktiraf oleh ulama sezamannya. Beliau berasal dari Harar, Afrika namun menghabiskan sebahagian besar umurnya di Beirut, Lubnan. Al-Ghumārī dan al-Hararī sangat senada dalam berhadapan dengan isu-isu akidah umat Islam di zamannya.

Antara isu yang menjadi fokus kedua tokoh ini adalah berkenaan dengan akidah *ḥulūl*, *ittiḥād*, *tashbīh* dan *tajsīm*. Kedua tokoh ini terkehadapan dalam membantah golongan yang berselindung di sebalik pakaian sufi, namun membawa akidah yang bertentangan dengan pegangan kesufian Ahli Sunnah Waljamaah. Golongan ini ialah *al-Mutaṣawwifah* yang cenderung kepada doktrin *ḥulūl* dan *ittiḥād*. Doktrin yang dibawa oleh mereka ini membawa kepada keyakinan bahawa alam boleh bersatu dengan Allah, atau Allah adalah alam, atau Allah meresap dalam badan seseorang sehingga kepada tahap seseorang itu mengaku dirinya Allah kerana badannya telah diresapi Allah. Golongan ini juga yang memelopori doktrin *Nūr Muḥammad* iaitu mempercayai bahawa *Nūr Muḥammad* ini adalah sebahagian daripada *Dhāt* Allah kerana ia adalah juzuk *Nūr-Nya* dan *Nūr Muḥammad* ini ialah asal kepada penciptaan setiap sesuatu. Dengan keyakinan ini, mereka mendakwa bahawa apabila seseorang telah sampai

kepada peringkat kesufian tertinggi maka dia akan bersatu dengan Allah, atau Allah menjelma dalam diri mereka, atau mereka menjadi Allah.

Oleh sebab keyakinan ini adalah keyakinan yang batil di sisi *Ahl al-Ḥaq* dalam dunia tasawwuf, maka dua orang tokoh ini turut bangkit menentang keyakinan *al-Mutaṣawwifah* ini. Sejarah mencatatkan bahawa al-Ghumārī dan al-Hararī adalah daripada kalangan *Ahl al-Khawwāṣ* dalam dunia kesufian. Al-Ghumārī merupakan Shaykh bagi tarekat aliran *al-Ṣiddiqiyyah* yang merupakan cabang *al-Shādhiliyyah* / *al-Shādhuliyyah* manakala al-Hararī merupakan Shaykh bagi tarekat aliran *al-Rifā'iyyah* dan *al-Qādiriyyah*. Maka tidak menjadi suatu kejanggalan untuk kedua tokoh ini mengkritik ideologi *al-Mutaṣawwifah* yang sekian lama bertapak dalam gerakan kesufian ini.

KRITIKAN AL-GHUMĀRĪ DAN AL-HARARĪ TERHADAP ḤADĪTH JĀBIR

Al-Ghumārī telah mengarang sebuah karya khusus bernama *Murshid al-Hā'ir li Bayān Waḍ'ī Ḥadīth Jābir* manakala al-Hararī telah mengarang karya berjudul *Risālah fī Buṭlān Da'wā Awwaliyyāt al-Nūr al-Muḥammadi* bagi menolak doktrin *Nūr Muḥammad*. Dasar bagi kritikan oleh kedua tokoh ini ialah:

- i. Kesahihan *Ḥadīth Jābir* sehingga boleh menjadi sandaran dalil pegangan akidah; dan
- ii. Laras bahasa dalam teks *Ḥadīth Jābir* tidak mencapai piawai tinggi Bahasa Arab yang dituturkan oleh Rasulullah.

Daripada sudut sanad atau rantaian periwatatan, menurut al-Ghumārī dalam *Mulḥiq Qaṣīdah al-Burdah* (t.th) dan al-Hararī dalam *Risālah fī Buṭlān Da'wā Awwaliyyāt al-Nūr al-Muḥammadi* (2001), *Ḥadīth Jābir* ini tiada dalam mana-mana kitab hadis yang muktabar dan tiada rantaian sanad yang bersambung sebagaimana disebut oleh al-Suyūṭī dalam kitabnya *al-Hāwī li al-Fatāwa fī al-Fiqh wa 'Ulūm al-Tafsīr wa al-Ḥadīth wa al-Uṣūl wa al-Nahwi wa al-I'rāb wa Sā'ir al-Funūn* (t.th). *Ḥadīth Jābir* ini periwatannya terhenti kepada *rāwī* yang bernama 'Abd al-Razzāq yang mengambil daripada Jābir ibn 'Abd Allāh daripada Rasulullah. Beberapa ilmuwan hadis kontemporari seperti Shaykh al-Ḥadīth Mawlānā Yūnus Jawnpūrī dalam karyanya *al-Yawāqit al-Ghaliyyah* (2001) dan Maḥmūd al-Ḥasan Gangohī dalam *Fatāwā Maḥmūdiyyah* (t.th) turut senada dengan al-Ghumārī dan al-Hararī. Oleh yang demikian, mereka menghukumkan sebagai *Ḥadīth Jābir* ini sebagai *Ḥadīth Mauḍū'* sekaligus tidak boleh menjadi sumber pendalilan akidah.

Selain daripada sisi sanad, al-Ghumārī dan al-Hararī turut mengkritik mengenai makna *Matn* atau teks *Ḥadīth Jābir* yang bercanggah dengan dalil yang lebih *Qaṭ'ī* iaitu al-Quran dan *Ḥadīth Ṣaḥīḥ*. Antara hujah mereka ialah *Ḥadīth Ṣaḥīḥ* riwayat Al-Bukhārī bahawa Rasulullah bersabda:

كَانَ اللَّهُ وَمَ يَكُنْ شَيْءٌ غَيْرُهُ ، وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ²

Maksudnya: “Allah telah sedia ada dan tiada sesuatupun yang bersama-sama dengan kewujudan Allah , dan kemudian Allah menciptakan ‘Arash di atas air”

Ḥadīth Ṣaḥīḥ ini membuktikan bahawa Allah terlebih dahulu mencipta air sebelum menciptakan ‘Arash kerana lazimnya tapak sesuatu diciptakan terlebih dahulu sebelum menciptakan sesuatu di atasnya. *Ḥadīth Ṣaḥīḥ* ini juga ditafsirkan dengan *Ḥadīth Ṣaḥīḥ* yang lain riwayat Ibn Ḥibbān bahawa Rasulullah bersabda:

كُلُّ شَيْءٍ خُلِقَ مِنَ الْمَاءِ³

Maksudnya: “Setiap sesuatu diciptakan dari air”

Ḥadīth Ṣaḥīḥ ini sekaligus bersepakat dengan firman Allah (Surah al-Anbiyā’ 21:30):

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ

Maksudnya: “Dan Kami jadikan setiap sesuatu yang hidup dari air”

Menurut al-Ghumārī dan al-Harārī, ulama hadis bersepakat bahawa apabila sesuatu riwayat hadis yang teksnya bercanggah dengan dengan dalil yang lebih *Qaṭ’ī* dan tidak mungkin untuk menghimpunkan makna antara keduanya, maka secara automatiknya hadis tersebut akan menjadi *Ḥadīth Mauḍū’* kerana adalah mustahil Rasulullah bersabda dengan sesuatu yang bercanggah dengan usul agama. Dalam kes *Ḥadīth Jābir*, bila mana teks hadis bercanggah dengan ayat al-Quran iaitu ayat 30, Surah al-Anbiyā’ maka *Ḥadīth Jābir* dianggap sebagai *Mauḍū’* dan tidak boleh dijadikan dalil.

Ironinya pula, ‘Abd al-Razzāq (t.th) yang disebut sebagai *rāwī* bagi *Ḥadīth Jābir*, dalam tafsirnya menyebut mengenai tafsiran al-Qatādah terhadap firman Allah (Surah Hūd 11:7):

هُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ

² Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Bukhārī, Kitāb Bad’ al-Khalq, Bāb Mā Jā’ fi Qawl Allāh Ta’āla “wa Huwa al-Ladhī Yabda’ al-Khalq Thumma Yu’īduh wa Huwa Ahwan ‘Alayh. No. Hadis 3045.

³ Ibn Ḥibbān, Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān, No. Hadis 2559

Beliau menjelaskan bahawa al-Qatādah menafsirkan ayat ini:

هَذَا بَدْءُ خَلْقِهِ قَبْلَ أَنْ يَخْلُقَ السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ

Maksudnya: “Ini adalah permulaan penciptaan sebelum diciptakan langit dan bumi”

Ini menjelaskan pegangan ‘Abd al-Razzāq sendiri bahawa air adalah ciptaan yang pertama yang dicipta oleh Allah dan bukanlah *Nūr Muḥammad*. Selain daripada membicarakan mengenai kesahihan *Ḥadīth Jābir* yang dianggap *Mauḍū’* oleh kedua tokoh ini, mereka turut membicarakan mengenai laras Bahasa Arab dalam teks *Ḥadīth Jābir* yang tidak mencapai piawai tinggi Bahasa Arab yang dituturkan oleh Rasulullah. Al-Ghumārī dan al-Harārī masing-masing dalam karya mereka *Murshid al-Hā’ir li Bayān Waḍ’i Ḥadīth Jābir* dan *Risālah fī Buṭlān Da’wā Awwaliyyāt al-Nūr al-Muḥammadi* menjelaskan bahawa laras bahasa yang digunakan dalam *Ḥadīth Jābir* adalah rendah dan keadaan ini disebut sebagai *Rakākah* atau *Rakkah al-Uslūb* dan ia menjadi salah satu daripada punca mengapa *Ḥadīth Jābir* dianggap *Mauḍū’* atau sekurang-kurangnya *Da’if*. Hal ini kerana Baginda merupakan penutur Bahasa Arab yang asli dan tidak mungkin laras bahasa yang digunakan tidak konsisten dengan tatabahasa Arab. Sekiranya terdapat *Rakākah* dalam pertuturan Baginda, ini akan menjejaskan kualiti Baginda sebagai Utusan Allah yang menyampaikan syariat Allah. Jelas keduanya, *Rakākah* dalam *Ḥadīth Jābir* ini dilihat pada teks hadis di bawah:

إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ قَبْلَ الْأَشْيَاءِ نُورَ نَبِيِّكَ مِنْ نُورِهِ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah telah menciptakan *Nūr Nabimu* dari *Nūr-Nya* sebelum sesuatu”

Fokus perbincangan *Rakākah* adalah pada *al-Idāfah* dalam lafaz من نوره. Keadaan pertama ialah *Ḍamīr* ◦ (Nya) dalam teks hadis ini, jika dikembalikan kepada Allah dengan kefahaman *Idāfah Juz’iyyah* atau penyandaran yang menunjukkan sesuatu itu sebagai jujuk daripada sesuatu seperti jika seseorang berkata ‘tanganku’, bermakna tangan itu adalah jujuk daripada dirinya. Maka jadilah kefahaman lafaz ‘*Nūr-Nya*’ ini adalah suatu cahaya yang merupakan jujuk daripada *Dhāt* Allah sedangkan *Dhāt* Allah bukan cahaya. Kefahaman *Ḥadīth Jābir* dengan *Idāfah Juz’iyyah* adalah bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah yang dibawa oleh Rasulullah. Ini kerana Allah bukan jisim sedangkan cahaya adalah jisim. Hanya jisim yang menerima pembahagian jujuk-jujuk. Keadaan yang kedua adalah jika lafaz من نوره difahami dengan kefahaman *Idāfah Milkiyyah* atau penyandaran sesuatu yang menunjukkan pemilikannya seperti jika seseorang berkata ‘kitabku’, bermakna kitab itu adalah miliknya. Maka *Ḍamīr* ◦ dikembalikan kepada suatu cahaya yang diciptakan oleh Allah dan

cahaya itu adalah yang pertama manakala *Nūr Muḥammad* adalah yang kedua. Ini kerana teks *Ḥadīth Jābir* menyatakan *Nūr Muḥammad* diciptakan daripada *Nūr-Nya*, jelas di sini *Nūr-Nya* yang mendahului penciptaan sebelum *Nūr Muḥammad*. Keadaan kedua ini menjadikan seolah-olah Rasulullah tidak memahami apa yang diungkapkan oleh Baginda sendiri dan hal ini mustahil berlaku ke atas Rasulullah. Maka kedua-dua keadaan ini membawa kepada kejangalan dari sudut akidah dan bahasa, sedangkan Rasulullah orang yang paling fasih Bahasa Arabnya dan paling mengenal Allah. Justeru keyakinan bahawa *Nūr Muḥammad* adalah makhluk yang pertama dan merupakan asal kepada semua penciptaan telah dibatalkan oleh teks hadis ini sendiri.

ANALISIS KRITIKAN TERHADAP *ḤADĪTH JĀBIR*

Berdasarkan kepada penjelasan kedua tokoh ini, *Ḥadīth Jābir* ini pada asalnya bukanlah sebuah hadis yang boleh dijadikan sandaran dalam akidah. Terdapat banyak kekurangan yang timbul dalam hadis ini yang menyebabkan ia perlu ditinggalkan berdasarkan pandangan keduanya. Mengenai kesahihan *Ḥadīth Jābir*, keduanya berpandangan bahawa ianya sebuah *Ḥadīth Mauḍū'* dengan mengambil kira jalan periwayatan yang terhenti kepada *rāwī* yang bernama 'Abd al-Razzāq serta wujudnya *Rakākah* atau *Rakkah al-Uslūb*, justeru ia perlu ditinggalkan. Dalam isu ini, keduanya mempunyai autoriti dalam bidang *Riwayah* dan *Dirayah*. Kedua tokoh ini menyandang gelaran *al-Hāfiẓ al-Muḥaddith* dalam bidang hadis. Oleh yang demikian, pandangan keduanya boleh diterima dan kritikan mereka terhadap kesahihan *Ḥadīth Jābir* adalah berdasarkan kepakaran keduanya yang diiktiraf. Selain itu, fokus utama mengapa *Ḥadīth Jābir* ini dikritik keras oleh keduanya adalah kerana implikasi yang bakal timbul adalah berkaitan dengan akidah. Terdapat dua implikasi negatif yang timbul sekiranya *Ḥadīth Jābir* ini menjadi pegangan:

- i. Membawa keyakinan bahawa Rasulullah diciptakan oleh Allah daripada cahaya; atau
- ii. Membawa keyakinan bahawa *Nūr Muḥammad* ini adalah suatu juzuk daripada *Dhāt* Allah.

Keyakinan bahawa Rasulullah diciptakan oleh Allah daripada cahaya adalah keyakinan yang sangat bercanggah dengan pegangan akidah. Ini kerana jelas dalam al-Quran bahawasanya Rasulullah diciptakan sebagai manusia yang pastinya daripada zuriat anak Nabi Adam. Nabi Adam sendiri adalah diciptakan daripada tanah sebagaimana firman Allah (Surah al-Isrā' 17: 61)

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ قَالَ أَأَسْجُدُ لِمَنْ خَلَقْتُ
طِينًا

Maksudnya: “Dan (ingatlah), tatkala Kami berfirman kepada para malaikat: “Sujudlah kamu semua kepada Adam“, lalu mereka

sujud kecuali iblis. Dia berkata: “Apakah aku akan sujud kepada orang yang Engkau ciptakan dari tanah?”

Kemudiannya, Allah memerintahkan Rasulullah untuk menjelaskan bahawa Baginda juga ialah seorang manusia. Kalimah *بَشَر* dalam firman-Nya adalah merujuk kepada apa yang berasal dari sulbi Adam a.s yakni yang dicipta dari tanah, bukannya cahaya. Firman Allah (Surah al-Kahf 18: 110):

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ..

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad), sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu,(bezanya) diturunkan wahyu kepadaku..”

Maka dengan pembuktian dan dalil yang jelas daripada ayat al-Quran ini, jelas bahawa Rasulullah adalah seorang manusia yang dicipta daripada tanah namun Baginda memiliki kemuliaan yang tertinggi di sisi Allah. Selain itu, pentakrifan rasul sendiri merujuk kepada manusia, lelaki yang diwahyukan oleh Allah SWT kepadanya dan diperintah untuk menyampaikan. Harus ke atas mereka sebagaimana harus ke atas manusia lain seperti makan dan minum, berkahwin, beranak pinak. Kata al-Laqqānī (al-Ḥusaynī, 2016):

وجائز في حقهم كالأكل
وكالجماع للنساء في الحل

Maksudnya: “Allah mengutuskan para nabi dan rasul dari kalangan manusia, dan harus pada hak mereka seperti makan dan seperti jimak dengan wanita yang halal buatnya”

Ulama tauhid dari kalangan Ahli Sunnah Waljamaah bersepakat terhadap pentakrifan di atas, dan takrif ini membatalkan keyakinan bahawa Rasulullah itu adalah tercipta dari cahaya.

Mengenai implikasi akidah yang kedua iaitu keyakinan mengenai *Nūr Muḥammad* ini adalah suatu jujuk daripada *Dhāt* Allah, hal ini jelas suatu keyakinan yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Jika seseorang mempercayai bahawa *Nūr Muḥammad* adalah yang pertama yang diciptakan, dan *Nūr Muḥammad* ini pula diciptakan daripada *Nūr*-Nya sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, maka akan menjadi dua keadaan. Sama ada *Nūr*-Nya itu adalah makhluk yang pertama, maka ia sekaligus membatalkan pendapat *Nūr Muḥammad* yang pertama, kerana ada *Nūr* yang mendahului penciptaan *Nūr Muḥammad*. Sekiranya dikatakan bahawa diciptakan *Nūr Muḥammad* itu daripada *Nūr*-Nya yang merupakan *Dhāt* Allah, maka keyakinan seperti ini membawa keyakinan bahawa *Dhāt* Allah adalah cahaya.

Keyakinan bahwa *Dhāt* Allah adalah cahaya membawa kepada kefahaman *Tajsīm* dan *Tashbīh* iaitu keyakinan menjisimkan Allah dan menyamakan-Nya dengan makhluk. Sedangkan Allah berfirman (Surah al-Syūrā 42: 11):

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ

Maksudnya: “Allah tidak serupa dengan sesuatupun”

Jisim menurut para ulama akidah terbahagi kepada dua iaitu *Jism al-Laṭīf* dan *Jism al-Kathīf*. *Jism al-Laṭīf* adalah setiap sesuatu yang tidak boleh digenggam dengan tangan seperti cahaya. Manakala *Jism al-Kathīf* pula setiap sesuatu yang boleh digenggam dengan tangan seperti batu. Menurut Imām Ahmad bin Hanbal, jisim ditakrifkan seperti berikut (al-Tamīmī, 2001):

إن الأسماء مأخوذة بالشرعية واللغة وأهل اللغة وضعوا هذا الاسم على كل
ذي طول وعرض وسمك وتركيب وصورة وتأليف والله تعالى خارج عن
ذلك كله فلم يجوز أن يسمى جسما لخروجه عن معنى الجسمية ولم يجيء في
الشرعية ذلك فبطل

Maksudnya: “*Sesungguhnya, nama-nama Allah diambil dari syariat dan dari bahasa. Adapun ahli bahasa (Arab) meletakkan nama tersebut (yakni jisim) dengan makna setiap sesuatu yang mempunyai ukuran ketinggian, ukuran lebar, tersusun dengan beberapa anggota, mempunyai bentuk dan sebagainya, sedangkan Allah Maha Suci dari yang demikian (tidak mempunyai anggota dan sebagainya) Maka, tidak boleh menamakan Allah dengan jisim kerana Allah Maha Suci dari makna kejisiman (tidak beranggota, tiada ukuran, tiada bentuk dan sebagainya) dan syariat tidak menyebutnya, maka batallah fahaman itu (tajsīm atau Allah berjisim).*”

Akidah umat Islam yang benar adalah menafikan bahawa Allah adalah jisim. Pengingkaran bahawa Allah itu berjisim ini merupakan ijmak Ulama sebagaimana dinyatakan oleh Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī dalam *al-Luma‘*, Shaykh Mahmūd Khattāb al-Subkī dalam kitabnya *Ithāf al-Kāināt* dan Imām Mullā ‘Alī al-Qārī dalam *Mirqāt al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāt al-Masābīḥ*. Anggota badan melazimkan jisim bagi hak Allah, demikian Maha Suci Allah dari berjisim (al-Hararī, 2004). Jika *Nūr Muḥammad* itu diyakini sebahagian dari Allah maka sudah tentu sebelum ia bercerai dari Allah ia merupakan sebahagian dari Allah. Setiap yang bercerai dan bersatu ini secara dasarnya telah menafikan tauhid. Bukanlah makna tauhid itu adalah bersatu atau bercerainya Tuhan dengan

makhluq-Nya kerana kesatuan atau perceraian dengan makhluq itu sendiri menafikan makna tauhid secara hakiki. Setiap yang bersatu dan bercerai itu adalah rangkaian jisim yang terbentuk dari *jawhar*. Setiap yang berbilang itu ialah jisim. Jisim menurut ulama Tauhid ialah apa yang tersusun (al-Bājūrī, 2010), yakni tersusun daripada dua *jawhar* atau lebih. *Jawhar* ini sekiranya ia berada secara tunggal maka disebut sebagai *Jawhar al-Fard*, manakala sekiranya ia bersusun secara gabungan, maka ia dikenali sebagai jisim. Penegasan ini dijelaskan oleh Imām Murtaḍā al-Zabīdī al-Hanafī (al-Zabīdī 1989):

أن الجسم ما له طول وعرض وعمق وقاله الراغب وقال غيره هو ما يتألف
عن جوهرين فاكتر وقال بعضهم هو جوهر مجتمع والله تعالى متعال
عن حال الاجسام وافتقارها وقبولها للانقسام. فمن وصفه بالجسمية ضل
وأضل

Maksudnya: “*Sesungguhnya jisim ialah sesuatu yang mempunyai panjang, lebar dan kedalaman, berkata al-Raghib dan selainnya: Jisim ialah sesuatu yang tersusun daripada dua jawhar atau lebih, berkata sebahagiannya yang lain: Jisim ialah jawhar yang berhimpun, dan Allah SWT Maha Suci dari perihal jisim, berhajat kepada jisim, mahupun menerima pembahagian sebagaimana jisim, barangsiapa mensifatkan Allah SWT dengan jisim maka dia nyata sesat dan menyesatkan*”

Berdasarkan analisis ringkas di atas, jelaslah bahawasanya keyakinan terhadap *Nūr Muḥammad* ini dibina atas asas yang sangat longgar. Ia dibina semata-mata berdasarkan *Ḥadīth Jābir* yang dihukumkan sebagai *Ḥadīth Mauḍū‘* oleh ulama dalam bidang hadis sendiri seperti al-Ghumārī dalam *Mulḥiq Qaṣīdah al-Burdah* (t.th) dan al-Harārī dalam *Risālah fī Buṭlān Da‘wā Awwaliyyāt al-Nūr al-Muḥammadī* (2001), al-Suyūṭī dalam kitabnya *al-Hāwī li al-Fatāwa fī al-Fiqh wa ‘Ulūm al-Tafsīr wa al-Ḥadīth wa al-Uṣūl wa al-Nahwi wa al-I‘rāb wa Sā‘ir al-Funūn* (t.th), Shaykh al-Ḥadīth Mawlānā Yūnus Jawnpūrī dalam karyanya *al-Yawāqit al-Ghaliyyah* (2001) dan Maḥmūd al-Ḥasan Gangohī dalam *Fatāwā Maḥmūdiyyah* (t.th). Dasarnya, *Ḥadīth Mauḍū‘* diketahui tidak boleh menjadi sumber pendalilan akidah.

Maka keyakinan terhadap ini sepatutnya tidak menjadi pegangan bagi umat Islam. Selain itu, keyakinan terhadap *Nūr Muḥammad* ini membawa kepada menafikan ayat al-Quran sendiri yang menjelaskan bahawa Rasulullah dicipta daripada tanah bukan cahaya. Keyakinan seperti ini adalah membahayakan akidah kerana bercanggah dengan dalil yang lebih kuat iaitu al-Quran. Yang terakhir, keyakinan terhadap *Nūr Muḥammad* ini juga boleh memberi implikasi *Tajsīm* dan *Tashbīh* yang telah menjadi ijmak Ulama bahawa keyakinan *Tajsīm* dan *Tashbīh* ini mengakibatkan kesesatan dalam akidah.

KESIMPULAN

Akidah umat Islam mestilah terbina di atas dalil-dalil yang kukuh iaitu al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak. Ini bagi mengelakkan implikasi-implikasi yang timbul kesan daripada penggunaan dalil yang lemah. Akidah yang terbina di atas dalil-dalil yang kukuh akan menjadi tonggak kepada kekuatan diri orang yang beriman sekaligus membina ummah yang jitu dalam memerangi anasir-anasir luar yang ingin menghancurkan umat Islam dengan pelbagai cara. Semoga Allah sentiasa memelihara ulama Islam yang tegas mempertahankan akidah umat Islam.

RUJUKAN

Al-Quran

'Abd al-Razzāq. *Tafsīr 'Abd al-Razzāq*. t.th. Jld.2. t.tp: t.pt.

al-Asfarāyīnī, Shahāfur bin Ṭahir. (1940). *al-Tabṣīr fī al-Dīn*. Kaherah: Maṭba'ah al-Anwār.

al-Baghdādī, Abū Bakr Aḥmad bin 'Ali bin Thābit al-Khātib. (1975). *al-Faqih wa al-Mutafaqqih*. t.tp.: Dār Ihyā' al-Sunnah al-Nabawiyah.

al-Baghdādī, Abū Manṣūr 'Abd al-Qāhir bin Ṭahir. (1928). *Uṣūl al-Dīn*. Istanbul: Maṭba'ah Dawlah.

al-Baghdādī, Abū Manṣūr 'Abd al-Qāhir bin Ṭahir. *al-Farq Bainā al-Firaq*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Baqillānī, al-Qādī Abū Bakr bin al-Ṭayyib. (2007). *al-Inṣāf fī mā Yajib I'tiqāduh wa lā Yajūz al-Jahl bih fī 'Ilm al-Kalām*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Bayjūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad al-Jizāwī. (2010). *Hāshiyah al-Imām al-Bayjūrī 'ala Jawharah al-Tawhīd*, ed.'Ali Jum'ah Muhammad. Kaherah: Dar al-Salam.

al-Ghumārī, 'Abd Allāh bin Muḥammad bin Ṣiddīq t.th. *Murshid al-Hā'ir li Bayān Waq'ī Hadīth Jābir*. t.tp: Qism al-Abhāth wa al-Dirāsāt Islāmiyyah

al-Ghumārī, 'Abd Allāh bin Muḥammad bin Ṣiddīq. t.th. *Mulḥiq Qaṣīdah al-Burdah*. t.tp: t.pt.

al-Ḥakīm, Abū 'Abd Allāh. (1997). *al-Mustadrak 'ala al-Ṣaḥīḥayn*. Cetakan 01. Jilid 01. Kaherah: Dār al-Ḥaramayn li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.

al-Hararī, 'Abd Allāh. (2001). *Risālah fī Buṭlān Da'wā Awwaliyyāt al-Nūr al-Muḥammadī*. Beirut: Sharikah Dār al-Mashārī' li al-Ṭaba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.

al-Hararī, 'Abd Allāh. (2004). *Sharḥ al-Qawīm fī Hāl Alfāz al-Ṣirāt al-Mustaqīm*. Beirut: Sharikah Dār al-Mashārī' li al-Ṭaba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.

al-Hararī, 'Abd Allāh. (2004). *Sharḥ al-Qawīm fī Hāl Alfāz al-Ṣirāt al-Mustaqīm*. Beirut: Sharikah Dār al-Mashārī' li al-Ṭaba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.

al-Ḥusaynī, Jamīl Muḥammad 'Alī Ḥalīm. (2016). *Tashīl al-Ma'ānī ila Jawharah al-Laqqānī*. Beirut: Sharikah Dār al-Mashārī' li al-Ṭaba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.

- al-Isfarāyīnī, Abū Muzaffar Shahafūr bin Ṭahir. (1983). *al-Tabṣīr fī al-Dīn*. Beirut: ‘Ālim al-Kutub.
- al-Khātib, ‘Abd al-Karim. (1962). *Qaḍiyyah al-Ulūhiyyah bayna al-Falsafah wa al-Dīn*. Kaherah: Maṭābi‘ Dār al-Kitāb al-‘Arabī bi Miṣr.
- al-Laknāwī, ‘Abd Ḥay bin Muḥammad ‘Abd al-Ḥalīm. (1984). *al-Athār alMatfu’ah fī al-Akhhbār al-Mauḍū’ah*. Taḥqīq Abū Ḥājir Muḥammad al-Sa‘īd bin Basyūni Zaghlul. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Maghribī, ‘Alī ‘Abd al-Fattāh. (1995). *al-Firaq al-Kalāmiyyah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Wahbah.
- al-Suyūfī, ‘Abd al-Raḥmān. (1975). *al-Hāwī li al-Fatāwa fī al-Fiqh wa ‘Ulūm al-Tafsīr wa al-Ḥadīth wa al-Uṣūl wa al-Nahwi wa al-Irāb wa Sā’ir al-Funūn*. Jld.1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Suyūfī, ‘Abd al-Raḥmān. (1981). *al-Lalāli’ al-Maṣnu‘ah Fi al-Aḥādīth Mauḍū’ah*. Jld.2. Beirut: Dār al-Ma‘arif.
- al-Taftāzānī, Sa‘d al-Dīn Mas‘ūd bin ‘Umar. (1988). *Sharḥ al-‘Āqaid al-Nasaḥiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah.
- al-Tamīmī, Abū al-Faḍl Abd al-Waḥīd bin Abd al-Azīz bin al-Ḥarīth. (2001). *I’tiqād al-Imām al-Munabbal Abī ‘Abd Allāh Aḥmad bin Ḥanbal*. Jld. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Zabīdī, Murtaḍā al-Ḥusaynī. (1989). *Ithāf al-Sādah al-Muttaqīn Sharḥ Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Jld. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Fūdah, Sa‘īd ‘Abd al-Laṭīf. (1998). *Tahdhīb Sharh al-Sanūsiyyah: Umm al-Barahin*. Jordan: Dār al-Biyariq
- Gangohī, Maḥmūd al-Ḥasan. t.th. *Fatāwā Maḥmūdiyyah*. Jld.12. t.tp: t.pt.
- Jawnpūrī, Shaykh al-Ḥadīth Mawlānā Yūnus. (2001). *al-Yawāqit al-Ghaliyyah*. Jld.2. t.tp: t.pt.
- KH Siradjuddin Abbas. (2010). *Sejarah dan Keagungan Madzhab Syafi’i*. Jakarta: Pustaka Tarbiyah Baru.
- Nūh ‘Alī Salmān. (2003). *al-Mukhtaṣar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*. Kuala Lumpur: al-Bayan Corporation Sdn. Bhd.
- Sha‘bān, Muḥammad Ismā‘il. (1991). *Hujjiyyah Khabar al-Aḥad fī al-‘Aqīdah*. Kaherah: Dār al-Nur bi Jiwār al-Azhār.
- Shaltūt, Maḥmud. (2007). *al-Islām ‘Aqīdah wa Shari‘ah*. Cetakan ke-29. Kaherah: Dār al-Shuruq.